

21 OCT 2002

Khalil-Komunikasi

RAMAI PROFESIONAL DLM PERHUBUNGAN/KOMUNIKASI KORPORAT DIPERLUKAN

PUTRAJAYA, 21 Okt (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini mencadangkan penubuhan Institusi Penyelidikan dan Latihan Komunikasi Korporat nasional bertujuan menaiktaraf kerjaya perhubungan awam dan komunikasi korporat kepada tahap lebih profesional.

Beliau berkata peranan mereka yang profesional amat diperlukan memandangkan negara sekarang ini mula terdedah kepada proses globalisasi yang adakalanya mengancam imej negara.

Katanya semasa Malaysia mengalami krisis ekonomi, banyak pihak luar telah merendahkan dasar dan pendekatan pemulihan ekonomi negara ini.

"Ketika itu juga kita amat perlukan khidmat pengamal komunikasi korporat dan perhubungan awam untuk menangkis perbuatan memburuk-burukkan teori ekonomi Malaysia serta tindak-tanduk yang mampu merosakkan imej dan reputasi negara," katanya semasa merasmikan Persidangan Kebangsaan Komunikasi Korporat 2002 di sini.

Khalil berkata ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadapi situasi itu, tidak ada seorangpun pengamal atau perunding komunikasi korporat tampil secara sukarela menawarkan kepakaran mereka untuk membantu membersihkan imej negara.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Khalil berkata negara tidak mempunyai cukup "komunikator" yang boleh dan bersedia untuk "berlawan" dengan pihak-pihak luar.

Dalam konteks ini, Khalil berkata masalahnya ialah di negara ini, profesion itu sendiri belum lagi diiktiraf sebagai kerjaya yang profesional.

"Satu masalah sekarang adalah kerana belum ada perakuan siapa itu "komunikator" profesional dan kita belum tahu organisasi mana yang ada kepakaran itu," katanya.

Beliau berkata pertubuhan dan persatuan yang berkaitan dengan profesion berkenaan perlu bekerjasama untuk mewujudkan institusi yang dicadangkan itu bagi menaikkan taraf kerjaya perhubungan awam dan komunikasi.

Sekarang terdapat empat pertubuhan yang berkaitan -- Pertubuhan Organisasi Komuniksai Korporat dan Perhubungan Awam, Institut Perhubungan Raya Malaysia, Persatuan Perundingan Awam Malaysia, Persatuan Komunikasi Perniagaan Antarabangsa cawangan Malaysia dan Persatuan Perhubungan Awam Antarabangsa cawangan Malaysia.

Pertubuhan kelima iaitu Persatuan Komunikasi Korporat Kebangsaan akan diwujudkan tidak lama lagi dan ia sekarang berada dalam peringkat akhir penubuhannya, kata Khalil.

-- BERNAMA

NN MAM RON